

# SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Dana RM30 juta  
mekanisasi sawit  
dilancar ▶ MUKA 2

2017 tahun cerah  
industri sawit  
negara ▶ MUKA 3



Datuk Seri Mah Siew Keong bersama peserta ekspedisi kenderaan 4X4 menggunakan biodiesel B10 sebelum berlepas di Dataran Menara Chondong, Teluk Intan, Perak.

## Ekspedisi 4X4 biodiesel B10 rempuh 1,000km

➔ Kerjasama MPIC, MPOB, MyRoff bawa bantuan banjir pekebun kecil sawit

Oleh Mohd Saufi Awang  
saufti@mpob.gov.my

### ▶ Teluk Intan

**K**ementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama MPOB dan Malaysian Recreational Off-Roaders Society (MyRoff) telah menganjurkan Ekspedisi Kenderaan 4x4 menggunakan bahan api B10 yang bertolak dari sini, baru-baru ini.

12 kenderaan 4x4 menggunakan bahan api B10 iaitu adunan 10% bio bahan api berasas sawit (metil ester) bersama diesel yang dibekal-

kan oleh MPOB.

Kenderaan peserta ekspedisi dibekalkan bahan api B10 bagi perjalanan dari Kuala Lumpur merentasi tiga buah negeri, Perak, Pahang dan Kelantan dengan jarak perjalanan sepanjang 1,220 kilometer.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menyempurnakan pelepasan peserta di Dataran Menara Chondong, Teluk Intan.

Peserta ekspedisi melalui perjalanan kawasan berbukit merentasi Tapah, Tanah Rata menuju ke Sungai Koyan, Pahang pada hari pertama.

Perjalanan hari kedua ber-

mula dari Kuala Lipis menuju ke Kelantan melalui jalan berlumpur menuju perkampungan orang asli di Pos Tohoi, Gua Musang. Perjalanan balik ke Kuala Lumpur melalui Jeli, Kuala Kangsar, Perak.

### Hayati keindahan hutan

Kenderaan 4x4 melibatkan peserta Kelab Land Rover, Ford Ranger, Toyota Hilux, Mitsubishi Triton dan ahli kelab 4x4 serta wakil media berpeluang menguji keupayaan kenderaan 4x4 yang menggunakan bahan api B10.

Penganjuran ekspedisi 4x4 memberi pendedahan kepada peserta keindahan hutan dan alam semula jadi sepanjang laluan berbukit dan berlumpur.

Peserta ekspedisi turut membawa misi bantuan kepada pekebun kecil yang terjejas banjir di Pantai Timur serta sumbangan kepada masyarakat orang asli di Kelantan.

Ketibaan konvoi 4x4 di Kampung Bertang, Kuala Lipis, Pahang turut disertai oleh Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah yang telah menyerahkan bantuan kepada pekebun kecil terjejas pendapatan pada musim tengkujuh.

Pekebun kecil yang menerima sumbangan barangan makanan termasuk minyak masak terharu dengan keprihatinan MPOB dan keramahan peserta ekspedisi 4x4 B10 yang berkesempatan singgah dalam perjalanan menuju ke Gua Musang, Kelantan.

Datuk Seri Mah semasa berucap di majlis pelancaran berkata MPOB telah menjalankan kajian menyeluruh penggunaan B10 melibatkan pelbagai jenis kenderaan enjin diesel.

Penggunaan bahan api B10 adalah menepati spesifikasi yang ditetapkan dalam dan luar negara bagi adunan bio bahan api bersama diesel.

Katanya, MPOB telah menjalankan kajian terperinci penggunaan bio bahan api berasas sawit dan adunan bersama diesel sejak tahun 1980an melibatkan pelbagai jenis kenderaan yang telah mencatat jarak perjalanan sejauh 300,000 kilometer.

Penyelidikan MPOB berjaya menghasilkan teknologi pengeluaran bio bahan api dan adunan bio bahan api sawit atau metil ester bersama diesel yang digunakan

dalam negara bagi kenderaan injin diesel dan dieselport.

Datuk Seri Mah berkata komitmen kerajaan melaksanakan penggunaan adunan B10 bagi pengurangan pelepasan gas karbon dioksida oleh kenderaan enjin diesel yang menyebabkan pencemaran udara.

Ini juga sejajar dengan komitmen kerajaan bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GRH) bagi persekitaran udara yang lebih bersih dan kesejahteraan kepada negara.

Menurut Datuk Seri Mah, Kerajaan berhasrat meningkatkan penggunaan adunan bio bahan api daripada 7% kepada 10%.

Penggunaan adunan 5% bio bahan api sawit telah dilaksanakan sejak tahun 2011 bermula di Wilayah Tengah dan diperluaskan ke Wilayah Selatan pada tahun 2013 dan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2014.

### Berjalan lancar

Mulai 2015, kerajaan telah meningkatkan penggunaan adunan bio bahan api kepada 7% di seluruh negara.

Penggunaan adunan bio bahan api yang dibekalkan oleh syarikat petroleum berjalan lancar dan tiada kerosakan enjin kenderaan dilaporkan dalam tempoh berkenaan.

Beberapa buah negara pengeluar minyak sawit seperti Indonesia, Thailand, Colombia turut menggunakan adunan bio bahan api minyak sawit.

Colombia melaksanakan adunan 10% bio bahan api manakala Indonesia telah meningkatkan adunan bio bahan api sawit bersama diesel kepada 20% sejak tahun 2015.

Beberapa buah negeri di Amerika Syarikat juga dilaporkan telah melaksanakan penggunaan adunan 10% bio bahan api yang dihasilkan daripada kacang soya.

Penggunaan bahan api adunan bersama diesel telah dilaksanakan secara percubaan oleh kenderaan MPOB dan agensi kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Angkatan Tentera Malaysia.

Yang turut hadir Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M Nagarajan dan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.



**Tahun** 2017 amat signifikan kepada industri sawit negara dari segi tujuhan bagi pelaksanaan transformasi NKEA sawit dan merupakan tahun ke-100 penanaman sawit secara komersial bermula di Batang Berjuntai atau kini dikenali Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Bermula sebagai tanaman hiasan, sawit mula diperkenalkan sebagai tanaman komersial di Ladang Tennamaram pada tahun 1917.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong telah melancarkan 100 Tahun Industri Sawit Malaysia pada 10 Januari lalu yang akan disusuli dengan pelbagai aktiviti sepanjang tahun bagi meningkatkan kefahaman semua pihak mengenai pencapaian industri sawit negara yang menjadi kebanggaan kita.

Tanaman sawit berasal daripada benua Afrika sesuai dengan cuaca di Malaysia yang berada di garisan Khatulistiwa dengan menerima taburan hujan dan sinaran matahari sepanjang tahun.

Penanaman dengan benih berkualiti, amalan agronomi dan penjagaan pokok yang sempurna, tanaman sawit berupaya menghasilkan pengeluaran yang tinggi yang memberi pendapatan lumayan kepada pengusaha ladang dan pekebun kecil.

Dalam tempoh 100 tahun lalu, industri sawit khususnya penanaman sawit melalui pertumbuhan yang pesat. Pada 1930-an keluasan tanaman sawit negara hanya 3,350 hektar dan menjelang tahun 1960-an meningkat kepada 60,000 hektar.

Perancangan strategik kerajaan dalam pembangunan tanah pertanian yang diusahakan dengan penanaman sawit melalui penubuhan FELDA, penglibatan pekebun kecil yang mengusahakan sawit dan sektor

perladangan menyumbang peningkatan ketara kawasan tanaman sawit pada dekad seterusnya.

Pada tahun 2016, kawasan tanaman sawit negara adalah seluas 5.74 juta hektar. Kemajuan sektor penanaman dan sektor pengilangan serta pemrosesan telah menyediakan peluang pekerjaan dan peningkatan taraf sosioekonomi kepada penduduk luar bandar.

Pada tahun 2017, prestasi industri sawit dari segi pengeluaran minyak sawit mentah diunjur kembali meningkat setelah terjejas kesan fenomena El Nino pada awal tahun 2016.

Prestasi industri sawit negara 2016 menunjukkan pengeluaran minyak sawit mentah mengalami kemerosotan ketara kepada 17.32 juta tan berbanding 19.96 juta tan tahun sebelumnya.

Walaupun prestasi eksport masih belum pulih kesan kelembapan pasaran dunia, harga minyak sawit mencatat peningkatan melebihi paras RM3,000 satu tan pada akhir tahun 2016 dan pada tahun ini berada pada paras tertinggi iaitu RM3,305 satu tan pada 25 Januari lalu.

Pengukuhan harga minyak sawit adalah hasil penglibatan semua pihak dalam industri dan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan bagi menstabilkan harga minyak sawit serta usaha memperluaskan pasaran minyak sawit ke luar negara.

Sejajar usaha kerajaan melalui MPIC dan MPOB memperkasakan sektor sawit, pemain industri wajar mengambil peluang memastikan peningkatan produktiviti dan kecekapan di setiap peringkat pengeluaran bagi meningkatkan pendapatan.

Inisiatif dan bantuan yang disediakan kerajaan kepada pekebun kecil bagi menanam semula pokok sawit tua dan integrasi tanaman dan ternakan perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

Kerajaan turut menubuhkan Dana Mekanisasi Sawit bagi mempertingkatkan tahap mekanisasi yang memberi manfaat kepada pemain industri untuk meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti.

Melalui pelaksanaan NKEA sawit, kerajaan juga menyediakan insentif kepada pemain industri untuk meneroka peluang dalam sektor hiliran bagi penghasilan produk tambah nilai dalam sektor berasaskan makanan, produk farmaseutikal dan produk oleokimia sawit.

Bagi meningkatkan khidmat nasihat teknikal minyak sawit kepada pengguna di luar negara, MPOB akan membuka pejabat wilayah di Tehran manakala PORTSIM India juga akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017. Pembukaan semula pejabat MPOB di Iran akan membantu meningkatkan pasaran minyak sawit Malaysia di Iran dan negara serantau.

MPOB akan menganjurkan PIPOC iaitu persidangan minyak sawit dan pameran dunia yang menghimpunkan pemain industri sawit dan sektor minyak dan lemak dunia. PIPOC menyediakan forum bagi perbincangan penyelidikan, teknologi dan penemuan terbaru dalam industri sawit, peluang dan perkembangan pasaran minyak sayuran dan lemak dunia.

Saya mengambil peluang ini mempelawa pemain dalam industri sawit tempatan menyertai PIPOC 2017 yang akan diadakan pada 14-16 November 2017 di Kuala Lumpur.

kushairi@mpob.gov.my



**MINDA**  
Dr Ahmad  
Kushairi Din

Ketua Pengarah  
MPOB



Datuk Seri Mah Siew Keong berucap ketika melancarkan Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2017

## Dana RM30 juta mekanisasi sawit dilancar

➔ Sektor hulu pemangkin modenisasi untuk penjimatan tenaga kerja

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mpob.gov.my

➔ Kuala Lumpur

**K**erajaan mengumumkan penubuhan Dana Mekanisasi Sawit awal bulan lalu sebagai satu usaha mempertingkatkan tahap mekanisasi dalam industri sawit negara, terutama di sektor hulu yang pada masa ini bergantung kuat kepada tenaga kerja asing.

Pada masa ini, industri sawit menggaji 431,357 pekerja dengan 77 peratus atau 332,135 pekerja adalah tenaga kerja asing.

Industri sawit, terutama di sektor hulu adalah berorientasikan buruh khasnya bagi aktiviti penuaian dan pembajaan.

Penubuhan Dana Mekanisasi Sawit diumumkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, ketika melancarkan Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2017 yang dianjurkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada awal Ja-

nuari lalu.

Mah berkata, bagi memacu aktiviti mekanisasi, kementerian beliau menubuhkan Dana Mekanisasi Sawit dengan dana permulaan berjumlah RM30 juta bagi memacu aktiviti mekanisasi.

**Sumbangan kerajaan, swasta**

"Dana ini membabitkan sumbangan kerajaan dan sektor swasta. Pada awalnya, kerajaan diharapkan sektor swasta dapat menyumbang RM5 juta kepada dana ini," tambah beliau.

Mah berkata, dana ini akan ditadbir oleh kementerian melalui MPOB dengan penyertaan daripada wakil industri yang



Dana ini ditadbir oleh MPIC melalui MPOB dengan penyertaan daripada wakil industri, ahli akademik dan pihak berkaitan"

**Mah Siew Keong,**  
Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi

terdiri daripada syarikat perladangan utama, ahli akademik dan pihak berkaitan.

MPOB telah melabur dalam pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan ke arah menghasilkan peralatan bagi mengurangkan kebergantungan ke atas tenaga buruh.

Antara peralatan mekanisasi yang telah dihasilkan termasuk CANTAS (alat penuaian buah tandan segar bermotor); dan mesin pengangkutan buah tandan segar termasuk Beluga, Rhino dan Grabber untuk digunakan di ladang sawit.

Dana sumbangan kerajaan dan sektor swasta itu bertujuan membiayai aktiviti penyelidikan mengenai mekanisasi oleh institusi penyelidikan dalam dan luar negara, perolehan teknologi bersestiaan untuk kegunaan industri sawit dan pengubahsuaian peralatan serta penganjuran pertandingan atau program berkaitan.

Mah berkata dana ini akan memperhebatkan usaha mekanisasi dan diharapkan akan meningkatkan produktiviti bagi setiap pekerja ladang yang dijangka mampu menguruskan 12 hektar ladang sawit berbanding lapan hektar ketika ini.

Industri sawit adalah tonggak sektor pertanian dan menyumbang 5.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Hampir 40 peratus daripada tanaman sawit diusahakan oleh pekebun kecil.



# 2017 tahun cerah industri sawit negara

➔ Pengeluaran dan harga sawit dijangka meningkat

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Tahun 2017 merupakan tahun ke-100 industri sawit bertapak di negara ini secara komersial.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata keadaan ekonomi global akan mempengaruhi permintaan minyak sawit.

Isu kemampuan akan terus membayangi industri sawit dan beliau menggesa pemain industri sawit tempatan berusaha untuk mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) kerana tindakan sedemikian akan mampu mengatasi pandangan negatif serta tuduhan melulu oleh setengah pihak yang tidak bertanggung jawab.

Beliau berkata industri sawit tidak sunyi dengan pelbagai tuduhan berat sebelah mengenai isu alam sekitar pada masa lampau dan kini badan bukan kerajaan (NGO) pula menggunakan isu kesihatan.

"Ini tidak adil," kata beliau se-

masa merasmikan Palm Oil Economic Outlook and Review Seminar 2017 anjuran MPOB yang diadakan di sini, baru-baru ini.

"Kita mesti perhebatkan peranan negara pengeluar minyak sawit dalam mengatasi halangan perdagangan terhadap komoditi ini.

"Ini termasuk isu pelabelan anti minyak sawit berikutan keprihatinan terhadap nutrisi dan alam sekitar. Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk menganjurkan Misi Peringkat Kementerian CPOPC (Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit) ke negara pengimport pada tahun 2017," tambah beliau.

Tahun 2016 menyaksikan fenomena El-Nino memainkan peranan besar dalam mempengaruhi prestasi industri sawit negara. Pengeluaran minyak sawit jatuh 13% kepada 17.32 juta tan pada tahun 2016 berbanding 19.96 juta tan dalam tahun 2015.

## Beri kesan positif

Namun begitu penurunan pengeluaran minyak sawit telah memberi kesan positif kepada harga. Pada tahun 2016, minyak sawit mentah pada harga purata RM2,653 satu tan, peningkatan RM499.50 satu tan berbanding harga purata 2015 iaitu RM2,153.5 satu tan. Harga tertinggi minyak sawit mentah dicatatkan pada 16 Disember 2016 iaitu pada RM3,243.50 satu tan.

Meskipun eksport produk sawit pada tahun 2016 mencatatkan pengurangan sebanyak 8.2% kepada



Datuk Seri Mah Siew Keong ketika merasmikan Palm Oil Economic & Outlook Seminar 2017.

23.29 juta tan, nilai eksport produk sawit untuk 2016 meningkat kepada RM64.58 bilion (anggaran) berbanding dengan RM63.2 bilion pada tahun 2015.

India merupakan pengimport utama minyak sawit pada tahun 2016 dengan pembelian sebanyak 2.83 juta tan diikuti dengan Kesatuan Eropah (2.06 juta tan); dan China (1.88 juta tan).

Perasmian seminar turut dihadiri Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) Menteri-

an Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Zurinah Pawanteh; dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.

## Harga minyak sawit mentah dijangka terus kukuh

Sementara itu, Dr Kushairi dalam pembentangan kertas kerja beliau bertajuk, "Industri Minyak Sawit Malaysia: Prestasi 2016 & Prospek 2017" di seminar itu, berkata harga minyak sawit mentah dijangka akan terus kukuh pada tahun 2017.

Beliau menyandarkan jangkaan positif ini kepada faktor-faktor termasuk pertumbuhan pengeluaran sawit yang kecil berikutan tekanan iklim; jumlah eksport yang tinggi atas usaha kerajaan memperhebatkan misi perdagangan; dan status pertukaran wang asing antara Ringgit Malaysia dan US Dollar.

Dr. Kushairi menjangka pengeluaran minyak sawit mentah akan meningkat kepada 19.40 juta tan pada tahun ini dan eksport minyak sawit pula pada 17.85 juta tan untuk 2017.

# Duta negara EU sanjung kemampuan sawit

Oleh Noor Asmawati  
Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**Putrajaya:** Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong mengadakan taklimat mengenai keselamatan makanan dan isu berkaitan kemampuan sawit Malaysia kepada duta negara-negara di bawah Kesatuan Eropah (EU) di kementerannya di sini, baru-baru ini.

Taklimat itu diadakan sempena sambutan 100 tahun pengkomersialan industri sawit Malaysia.

Delegasi EU diketuai oleh Maria Castillo Fernandez dan disertai oleh 15 duta serta wakil dari negara-negara EU di Malaysia.

Taklimat itu memberi tumpuan kepada kebimbangan Malaysia dengan kempen anti minyak sawit yang sentiasa berubah di EU, termasuk mengaitkan minyak sawit kepada isu-isu kesihatan dan penneban hutan.

Datuk Seri Mah yang memberi respon berkaitan isu berkenaan, mengulangi bahawa industri mi-



Datuk Seri Mah Siew Keong bergambar dengan duta negara-negara EU yang hadir pada taklimat di MPIC, Putrajaya.

nyak sawit Malaysia adalah tertakluk kepada 60 peraturan yang meliputi spektrum luas undang-undang seperti keselamatan makanan, alam sekitar; tenaga kerja dan banyak lagi.

"Adalah jelas bahawa industri sawit Malaysia adalah industri terurus dan dikawal selia secara sis-

tematik. Selain itu, Malaysia juga berpegang kepada komitmen pada Sidang Kemuncak Rio 1992 untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada kawasan tanah di bawah litupan hutan.

## Amalan pertanian baik

Datuk Seri Mah turut memberi

jaminan bahawa minyak sawit Malaysia bukan sahaja selamat dan sihat, tetapi diusahakan melalui amalan pertanian yang baik (GAP).

Beliau menyimpulkan bahawa industri minyak sawit Malaysia telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan sosio ekonomi

negara dan berharap negara EU akan terus menyokong usaha Malaysia dalam pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO).

Katanya, industri ini juga merupakan sumber penting perolehan eksport di mana pada 2016 jumlah eksport bernilai RM64.58 bilion. Pada masa ini, industri minyak sawit menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir satu juta orang meliputi sektor huluan hingga hiliran.

"EU merupakan destinasi eksport yang penting bagi produk minyak sawit Malaysia. Pada 2016, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia ke EU mencatatkan 3.63 juta tan metrik bernilai RM10.30 bilion. Antara produk utama yang dieksport termasuk minyak sawit, dedak isirung sawit dan oleokimia," katanya mengakhiri taklimat berkenaan.

Sesi taklimat berkenaan turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M. Nagarajan dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.



# Kualiti minyak sawit diperjelas

➔ 3-MCPD dan GE tingkat penyelidikan makanan

Oleh Fadzil Ghazali  
afadzilg@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Laporan berita mengenai kandungan sawit dalam krim sapuan makanan Nutella dan kaitannya dengan kanser adalah kes kesilapan tafsir oleh pihak media, terutamanya daripada Eropah.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata isu sebenar adalah mengenai kewujudan bahan kontaminasi ester asid lemak 3-monokloropropanediol (3-MCPD) dan ester glycidyl (GE) dalam minyak sayuran dan lemak.

“Saya ingin menekankan bahawa ester asid lemak ini wujud dalam semua minyak sayuran dan

lemak. Kita serta pengeluar minyak masak dan lemak lain tahu mengenai perkara ini lebih daripada sedekad yang lalu. Ia wujud dalam minyak zaitun, soya, biji sesawi, jagung, bunga matahari dan sawit,” katanya ketika sidang media Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2017, di sini baru-baru ini.

## Wujud dalam minyak sayuran

Mah berkata adalah tidak adil apabila negara Eropah hanya mengaitkan minyak sawit dengan kandungan bahan kontaminasi ini kerana ia wujud dalam semua jenis minyak sayuran.

“Maklumat mengenai kewujudan 3MCPD dan GE dalam minyak sayuran telah mencetus proses penilaian berpanjangan bukan sahaja di Eropah malah di makmal MPOB.

“Dari konteks ini, Malaysia adalah penyokong tahap keselamatan makanan tertinggi dan sentiasa memastikan minyak sawit akur kepada standard dan mutu antarabangsa. Kita mengambil segala syor daripada Lembaga Keselamatan Makanan Eropah (EFSA) dengan serius,” tambah beliau.

EFSA mengaitkan pengambilan



Datuk Seri Mah Siew Keong menunjukkan produk sapuan Nutella.

minyak sawit, yang mana merupakan kandungan utama dalam Nutella, boleh mencetus penyakit barah. Laporan yang dikeluarkan EFSA pada awal tahun ini merumuskan bahawa minyak sawit adalah lebih karsinogenik berbanding minyak sayuran lain.

Menurut laporan itu, minyak sawit menghasilkan GE dan 3-MCPD apabila melalui proses pemanasan

melebihi 200 darjah Celsius. Bahan kontaminasi ini menurut panel EFSA adalah beracun dan karsinogenik.

## RM50 juta untuk R&D

Mah berkata berbanding dengan pengeluaran minyak sayuran dan lemak di seluruh dunia, Malaysia melihat isu ini dengan lebih serius malah kementerianya menyediakan

kan geran bernilai RM50 juta bagi 2017 untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bermatlamat menyingkir kewujudan bahan kontaminasi dalam minyak sawit.

Beliau tidak menafikan bahawa alasan berlandaskan isu karsinogenik ini lebih bermotifkan kepentingan perniagaan di mana ada pihak tertentu yang mencuba sabotaj industri sawit Malaysia.

## Penyelidik MPOB disaran turun padang lebih kerap

Oleh Noor Asmawati  
Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**Bangi:** Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menyeru pegawai penyelidik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) turun padang lebih kerap menemui pekebun kecil seluruh negara bagi memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam penanam dan pengurusan sawit.

Mah berkata, kredibiliti MPOB amat diketahui umum dan begitu sinonim dengan penyelidikan berkaitan industri sawit.

Katanya, MPOB menjadi rujukan dan model bagi tanaman pertanian lain seperti kelapa.

“Penyelidikan hendaklah dilaksanakan dengan cara yang betul, praktikal dan mampu dikomersialkan agar dapat digunakan secara meluas. MPOB melaksanakan banyak penyelidikan dan 30 peratus daripada inovasi yang dihasilkan berjaya dikomersialkan,” katanya. Beliau berkata demikian dalam

sesi interaksi bersama pegawai penyelidik MPOB di Ibu Pejabat MPOB, di sini baru-baru ini.

“Di negara kita, lebih 550,000 pekebun kecil mengusahakan tanaman sawit dengan keluasan tanaman mencecah 40 peratus daripada keseluruhan tanaman sawit negara.

## Kongsi teknologi dan inovasi

“Oleh itu MPOB hendaklah berkongsi teknologi dan inovasi yang dihasilkan bagi membantu sektor pekebun kecil untuk mereka menanam dan mengurus tanaman sawit dengan betul dan berkesan.

Beliau menyeru pegawai penyelidik MPOB turun padang bertemu dengan pekebun kecil bagi melihat sendiri masalah yang dihadapi serta berusaha menghasilkan inovasi yang dapat membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

“Saya percaya penyelidik MPOB dihormati dan apabila bertemu dengan pekebun kecil, nasihat serta tunjuk ajar akan diguna pakai oleh mereka,” katanya.

Tambah beliau, 2017 adalah tahun penting bagi industri sawit kerana menyambut ulang tahun ke-100. Industri sawit adalah industri utama yang menjana pendapatan negara sepanjang tempoh tersebut dan beliau berharap industri ini akan terus bertahan dan berkembang lebih pesat untuk 100 tahun akan datang.

“Bagi memastikan industri ini menjadi penyumbang dan sumber pendapatan utama negara, MPOB dan pelbagai pihak terbabit perlu berusaha lebih gigih lagi,” katanya.

Datuk Seri Mah turut meluangkan masa melawat beberapa fasiliti penyelidikan MPOB termasuk makmal penghasilan kosmetik, makmal kultur tisu, makmal pemakanan dan loji rintis poliuretana.

Turut hadir pada sesi interaksi berkenaan ialah Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M Nagarajan; dan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.



Datuk Seri Mah Siew Keong ketika sesi interaksi bersama pegawai penyelidik MPOB di Ibu Pejabat MPOB, Bangi baru-baru ini.



# Industri sawit sambut ulang tahun ke-100

➔ Minyak Sawit Malaysia, Kebanggaan dan Pencapaian Kita dipilih sebagai tema

Oleh Muhammad Asyraf Hussin  
asyrafhussin@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

**M**enteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong mengumumkan tahun

2017 merupakan ulang tahun ke-100 industri sawit sejak penanaman pertama secara komersial di Ladang Tennamaram, Kuala Selangor pada 1917.

Minyak sawit yang kini diiktiraf sebagai salah satu sumber minyak sayuran paling produktif berjaya menembusi pasaran dunia, malah memenuhi sebahagian daripada keperluan bekalan makanan global. Penanaman pertama berjaya dikomersialkan *Elaeis guineensis* Jacq pada 1917 di Ladang Tennamaram di Selangor.

## Rancang aktiviti

Katanya lagi, tema bagi sambutan 100 tahun adalah 'Minyak Sawit Malaysia, Kebanggaan dan Pencapaian Kita'.

Beberapa aktiviti turut diran-



Datuk Seri Mah Siew Keong melancarkan logo sambutan 100 tahun industri sawit Malaysia.

cang untuk mempamerkan sumbangan industri minyak sawit kepada pertumbuhan dan pekerjaan kepada generasi akan datang.

Selain itu, pelbagai aktiviti yang mampu mendidik pengguna tentang minyak sawit Malaysia

serta menghargai sumbangan industri sepanjang 100 tahun pengembaraan industri sawit di negara ini turut dirancang.

Datuk Seri Mah berkata, industri sawit banyak menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tahap pendapatan

penanam sawit, khususnya pekebun kecil.

Katanya, melalui usaha Kerajaan, penanaman sawit menjadi pemboleh ubah yang sentiasa menyumbang dan memberi kesan berganda kepada sektor industri.

# HELLO SAWIT salur teknologi, bantuan pekebun kecil

Oleh Muhammad Asyraf Hussin  
asyrafhussin@mpob.gov.my

**Beluran:** Penganjuran Hello Sawit Beluran di tapak Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampan, Kampung Manduar-ring, Beluran memberi peluang kepada pekebun kecil dan masyarakat setempat mendapatkan maklumat mengenai penanaman sawit secara mampan dan pengedaran buah tandan segar bagi bekalan buah sawit berkualiti ke kilang.

Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah semasa berucap pada Majlis Perasmian Hello Sawit berkata, program itu adalah wadah bagi MPOB menghebahkan maklumat kepada pekebun kecil dan masyarakat setempat melalui ceramah dan pameran serta penganjuran aktiviti bagi memberi pendedahan mengenai sektor sawit kepada orang ramai.

Hello Sawit menyediakan ruang interaksi dengan MPOB bagi mendapatkan maklumat dan penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan kepada pihak industri dan pekebun kecil, teknologi baharu dan bantuan kerajaan yang disediakan kepada pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit.

Katanya, melalui sesi penerangan, MPOB dapat memperting-

katkan pengetahuan pekebun kecil mengenai amalan pertanian baik dan pengedaran buah tandan segar bagi peningkatan produktiviti pengeluaran buah tandan segar dan pendapatan.

Aktiviti pameran dan pelbagai acara yang dianjurkan bertujuan memberi pendedahan kepada pekebun kecil dan penduduk setempat mengenai komoditi sawit yang merupakan tulang sektor pertanian negara.

Majlis perasmian Hello Sawit turut dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Labuk, Datuk Seri Panglima Michael Asang yang merupakan Pembantu Menteri Kewangan Negeri Sabah.

## Kemajuan beri impak

Dalam ucapannya, beliau berkata kemajuan sektor sawit memberi impak kepada pembangunan ekonomi negara dan peningkatan taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar.

Katanya, penglibatan pekebun kecil dalam pengeluaran minyak sawit negara adalah penting kerana hampir 40% daripada 5.74 juta hektar kawasan penanaman sawit negara diusahakan oleh pekebun kecil.

Sabah merupakan negeri yang mempunyai kawasan tanaman sawit terbesar iaitu 1.55 juta hektar dengan penglibatan pekebun kecil seramai 34,866 mengusahakan 221,677 hektar kawasan tanaman sawit.



Datuk Seri Panglima Michael Asang (tiga dari kiri) dan Datuk Seri Ahmad Hamzah (kanan) menyampaikan kupon bantuan baja kepada pekebun kecil di Beluran, Sabah.

Katanya, bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada pekebun kecil melalui MPOB termasuk tanam semula dan tanam baharu yang merangkumi bekalan benih sawit berkualiti, input pertanian dan khidmat nasihat penanaman

sawit dan Amalan Pertanian Baik (GAP) telah membantu pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti hasil tanaman sawit dan pendapatan pekebun kecil.

Bantuan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa) dan

Skim Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) bersama tanaman sawit yang disediakan oleh MPOB memberi peluang kepada pekebun kecil meningkatkan pendapatan, katanya.

Sempena penganjuran Hello Sawit, Pengerusi MPOB juga merasmikan Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Beluran Berhad.

Pembinaan pusat timbang KPSM Beluran memberi manfaat kepada pekebun kecil setempat bagi membekal dan mengumpul buah sawit untuk jualan terus ke kilang sawit.

Inisiatif Kerajaan melalui MPOB menubuhkan KPSM bertujuan menyatukan pekebun kecil bagi menjalankan aktiviti ekonomi dan kebajikan berasaskan perusahaan sawit sekali gus membantu pekebun kecil setempat.

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1.12 juta iaitu RM40,000 untuk penubuhan sebuah KPSM yang akan menjalankan perniagaan jualan buah tandan segar (BTS) secara berkelompok ke kilang sawit. Jualan BTS secara berkelompok oleh KPSM memberi manfaat melalui peningkatan harga jualan oleh pekebun kecil yang menyertai koperasi.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan MPOB, Dr Lim Weng Soon dan Pengerusi KPSM Beluran, James Tan.



**PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA**

INDIKATOR	2015	2016	2017 (Jangkaan)
Keluasan Tanaman (juta hektar)	5.64	5.74	5.8
Pengeluaran CPO (juta tan)	19.96	17.32	19.40
Eksport Minyak Sawit (juta tan)	17.45	16.05	17.85
Stok Minyak Sawit (juta tan)	2.63	1.67	1.80
Pendapatan Eksport (RM bilion)	63.22	64.58 (anggaran)	73.19

Like and follow us on

Malaysian Palm Oil Board | mpob\_twitter | Malaysian Palm Oil Board | mpob.gov.my

# Prestasi 2016, jangkaan 2017 industri sawit Malaysia

➔ Kenaikan harga CPO bantu tingkat pendapatan eksport sawit

Oleh Norfadillah Hashim dila@mpob.gov.my

Tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar bagi industri sawit Malaysia. Prestasi industri sawit terkesan ekoran cuaca kering yang berpanjangan serta purata taburan hujan rendah yang dibawa oleh fenomena El-Nino pada setengah tahun kedua 2015 hingga setengah tahun pertama 2016. Faktor ini telah mengurangkan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO), hasil buah tandan segar (FFB) dan kadar perahan minyak (OER).

Import dan eksport minyak sawit turut merosot berbanding tahun 2015. "Namun begitu, kemerosotan pengeluaran CPO yang turut mengurangkan stok minyak sawit memberi kesan positif terhadap harga minyak sawit di mana purata harga CPO pada 2016 telah melonjak sebanyak 23.2% kepada RM2,653.00/tan," kata Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din ketika membentangkan mengenai prestasi industri sawit bagi tahun 2016 sempena Palm Oil Economic Review & Outlook Seminar 2017, di sini baru-baru ini. Katanya, harga CPO yang melonjak ini telah membantu meningkatkan pendapatan eksport produk sawit negara kepada RM64.58 bilion. "Prestasi positif juga telah ditunjukkan dari segi keluasan tanaman sawit, di mana keluasan tanaman sawit telah meningkat kepada 5.74 juta hektar atau 3.2% berbanding 5.64 juta hektar yang dicatatkan pada tahun sebelumnya disebabkan oleh pertambahan kawasan tanaman baru terutamanya di Sarawak, yang telah meningkat sebanyak 4.7%. Tambahnya, Sabah masih merekodkan ke-

luasan tanaman sawit tertinggi dengan 1.55 juta hektar atau mewakili sebanyak 27% daripada jumlah keseluruhan tanaman sawit negara, diikuti oleh Sarawak sebanyak 1.51 juta hektar (26%) dan Semenanjung Malaysia (merangkumi 11 negeri) sebanyak 2.68 juta hektar (47%). **Pengeluaran CPO** "Pengeluaran CPO secara keseluruhannya merosot sebanyak 13.2% kepada 17.32 juta tan berbanding 19.96 juta tan pada 2015 disebabkan oleh pengurangan FFB yang diproses sebanyak 12.0% kesan daripada hasil FFB dan OER yang rendah. Katanya juga, hasil FFB menyusut sebanyak 13.9% kepada 15.91 tan/hektar berbanding 18.48 tan/hektar pada 2015 ekoran daripada fenomena El-Nino yang telah memberi kesan terhadap pengeluaran FFB pada 2016. "Hasil FFB bagi Semenanjung Malaysia telah berkurangan sebanyak 16.0% kepada 15.77 tan/hektar, Sabah sebanyak 14.5% kepada 17.10 tan/hektar dan Sarawak sebanyak 8.3% kepada 14.86 tan/hektar berbanding pada 2015," katanya.

Katanya lagi, kadar perahan minyak (OER) negara turut merosot sebanyak 1.4% kepada 20.18 peratus berpunca daripada keadaan cuaca yang kurang baik serta kejatuhan kualiti FFB yang diproses di kilang. "OER bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak masing-masing telah menyusut sebanyak 1.2%, 2.1% dan 0.6% kepada 19.76 peratus, 21.11 peratus dan 20.02 peratus. "Kuantiti eksport minyak sawit juga menyusut sebanyak 8.1% kepada 16.05 juta tan pada 2016 berbanding 17.45 juta tan yang dieksport pada 2015 berikutan permintaan yang rendah, terutamanya dari India, China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. "India masih mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran eksport minyak sawit Malaysia terbesar dengan jumlah eksport sebanyak 2.83 juta tan atau 17.6% daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit pada 2016. "Ini diikuti oleh Kesatuan Eropah sebanyak 2.06 juta tan (12.8%), China 1.88 juta tan (11.7%), Pakistan 0.88 juta tan (5.5%), Turki 0.66 juta tan (4.1%), Filipina 0.62 juta tan (3.9%) dan Amerika Syarikat 0.59 juta tan

(3.7%). "Kuantiti eksport minyak sawit ke tujuh (7) negara pasaran ini berjumlah 9.52 juta tan atau 59.3% daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit Malaysia pada 2016. Sementara itu, import minyak sawit telah berkurangan sebanyak 59.6% kepada 0.42 juta tan pada 2016 disebabkan oleh pengurangan permintaan eksport minyak sawit serta bekalan minyak sawit yang mencukupi kesan daripada stok awal minyak sawit yang tinggi (2.63 juta tan). **Levi eksport** Harga CPO Indonesia yang tinggi (RM2,811.00/tan) berbanding harga CPO Malaysia (RM2,653.00/tan) di samping levi eksport yang dikenakan ke atas minyak sawit (di antara US\$20-US\$50) juga telah menyebabkan ianya kurang berdaya saing dan tidak menggalakkan pengimport Malaysia untuk mengimport minyak sawit dari Indonesia. Dr. Kushairi menambah, tahun 2016 turut menyaksikan stok akhir berada pada paras yang lebih rendah, iaitu 1.67 juta tan, menurun 36.8% berbanding 2.63 juta tan pada

Disember 2015. "Ini disebabkan oleh pengurangan pengeluaran CPO sebanyak 13.2% atau 2.64 juta tan dan import minyak sawit sebanyak 59.6% atau 612,743 tan. "Selain itu, harga bagi semua produk sawit turut didagangkan tinggi berbanding 2015. Harga CPO merekodkan peningkatan sebanyak 23.2% atau RM499.50/tan kepada RM2,653.00/tan pada 2016 berbanding RM2,153.50/tan pada 2015. Beliau berkata, peningkatan harga minyak sawit ekoran daripada pengeluaran CPO yang rendah, peningkatan harga minyak sayuran lain terutama minyak kacang soya di pasaran dunia dan kelemahan matawang Ringgit berbanding Dolar Amerika telah membantu melonjakkan pendapatan eksport sebanyak 7.3% kepada RM64.58 bilion. "Tahun 2017 dijangka akan memperlihatkan pemulihan dalam pengeluaran CPO dan peningkatan eksport minyak sawit. Pengeluaran CPO dan eksport minyak sawit masing-masing diunjurkan pada 19.40 juta tan dan 17.85 juta tan manakala stok minyak sawit dijangka pada 1.80 juta tan.

**INTERNATIONAL PALM OIL PIPOC 2017 CONGRESS AND EXHIBITION**

**TREASURING THE PAST CHARTING THE FUTURE**

**14-16 NOVEMBER 2017**  
Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur, Malaysia

Book your place now to make sure you will be one of them in 2017!

For more information, please contact: [pipoc2017@mpob.gov.my](mailto:pipoc2017@mpob.gov.my) or visit MPOB website at [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

**THE PREMIERE OIL PALM EVENT IS BACK!**



Serbuk teh sawit OPAL

## Teh sawit OPAL setanding teh hijau

Oleh Halimah Muhamad halimah@mpob.gov.my

Teh daun sawit mengandungi pelbagai khasiat yang bermanfaat untuk kesihatan seperti anti hipertensi, anti kanser, anti mikrob, kebolehan meningkatkan daya ingatan dan perlindungan saraf serta boleh mempercepatkan penyembuhan luka. Penyelidikan MPOB telah menghasilkan penggunaan daun sawit sebagai bahan

ramuan bagi penghasilan serbuk daun sawit yang kaya dengan polifenol (OPAL) yang keterlarutannya dalam air boleh diubah. Keterlarutan dalam air merupakan antara ciri penting dalam ramuan pembuangan produk makanan berfungsi yang mudah dan segera. Produk teh sawit telah diuji dari segi rasa yang sedap dan mempunyai persamaan dengan teh hijau. Kelebihan produk teh daun sawit adalah: •Keterlarutan dalam air memberikan



kelebihan yang signifikan dan kesesuaian dalam formulasi produk dan penghantaran sebatian aktif. •Produk OPAL menunjukkan aktiviti anti oksidan yang kekal walaupun dalam penyediaan teh menggunakan air panas (95-100°C) yang sesuai dalam penyediaan minuman. •Kaya dengan nutrien mikro (N, P, K) dan zat galian (Ca, Mg, Zn, Mn dan Fe) yang bermanfaat kepada kesihatan manusia. Secara global dianggarkan sebanyak 164 juta tan pelepah daun sawit di-

hasilkan setiap tahun. Namun begitu, daun sawit pada ketika ini hanya digunakan sebagai makanan bagi haiwan ternakan atau dibiar terurai di ladang sawit. Produk ini sangat kompetitif dan berpotensi untuk dikomersialkan kerana harganya sangat murah berbanding dengan teh hijau komersial. Teknologi teh daun sawit telah dipaten pada tahun 2015 bertajuk Methods for Producing Water Soluble Oil Palm Leaves Powder and Concentrate.

**100th ANNIVERSARY**  
MALAYSIAN PALM OIL BOARD

**FIRST ANNOUNCEMENT**  
**23<sup>RD</sup> MPOB**  
**TRANSFER OF TECHNOLOGY 2017**  
**SEMINAR AND EXHIBITION**

**Tuesday, 11 July 2017**  
MPOB Head Office, Bangi, Selangor

To be officiated by  
**YB Datuk Seri Mah Siew Keong**  
Minister of Plantation Industries and Commodities

**HIGHLIGHTS**

- Technologies and services offered:
  - Plantation
  - Biotechnology
  - Milling and processing
  - Oleochemical
  - Food technology
- Launch of the new technologies and services
- Exhibition on new products and services

**MPOB**  
Malaysian Palm Oil Board  
Ministry of Plantation Industries and Commodities  
[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



# MPOB, NASH perkasa pekebun kecil sawit

➔ Pelaksanaan MSPO, pengembangan dan latihan untuk meningkatkan pendapatan

Oleh Nur Hana Basaruddin  
nurhana@mpob.gov.my

➔ Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Kebangsaan Pekebun-Peke-

bun Kecil Malaysia (NASH) mengadakan pertemuan bagi membincangkan isu berkaitan pekebun kecil sawit bagi memperkasa sektor berkenaan, di ibu pejabat MPOB di sini, baru-baru ini.

Antara isu yang dibincang adalah berkaitan pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO), pengembangan dan latihan pekebun kecil, dan penyelidikan untuk sektor pekebun kecil sawit.

NASH diwakili oleh Presidennya, Dato' Hj. Aliasak Hj. Ambia dan ahli exco terdiri pengurusan tertinggi manakala MPOB diwakili oleh Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah bersama Ketua Pengarah, Dr Ahmad Kushairi Din dan pegawai kanan MPOB pada interaksi berkenaan. Acara tahunan ini menyediakan



**Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan penerbitan MPOB kepada Dato' Hj. Aliasak Hj. Ambia (tiga dari kiri) selepas sesi interaksi MPOB dan NASH di Bangi.**

platform bagi kedua-dua pihak berinteraksi untuk meningkatkan hubungan dua hala, di samping bertukar maklumat dan pandangan mengenai sektor pekebun kecil sawit demi kesejahteraan industri sawit negara.

Datuk Seri Ahmad ketika memengerusikan interaksi itu berkata, sesi seumpama ini adalah pendekatan terbaik supaya segala masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan segera untuk kebaikan bersama.

## Jana idea, strategi baharu

"Di samping itu, pertemuan ini juga dapat menjana idea dan stra-

tegi baharu melalui perbincangan bersama yang sekali gus boleh dipertimbangkan oleh MPOB untuk kebaikan industri sawit.

Sementara itu, NASH menggesa MPOB melaksanakan lebih banyak program penerangan dan praktikal di ladang bagi mendedahkan pengurusan ladang yang betul.

NASH turut menyatakan masih terdapat ramai pekebun kecil sawit yang tidak memahami fungsi MSPO dan kaedah pelaksanaannya, dan setuju bekerjasama dengan mewujudkan kelompok MSPO untuk tujuan pensijilan kepada terdiri daripada ahli NASH.

NASH turut bersedia bekerjasama

ma dengan MPOB melaksanakan dasar-dasar yang berada di dalam Model Ekonomi Baharu seperti peningkatan pendapatan pekebun kecil sawit, kelestarian, dan keterangkuman kerana pendekatan NASH adalah selari dengan pendekatan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sebagai dasar yang mesti diimplementasikan di peringkat agensi.

Diharapkan melalui kerjasama erat dengan MPOB dapat meningkatkan produktiviti pekebun kecil, meningkatkan pendapatan, dan seterusnya kesejahteraan industri sawit negara.

## Pemukiman MPOB rangka pelan operasi 2017

Oleh Nor Nazirah  
Abd Rahim  
nor.nazirah@mpob.gov.my

**Melaka:** MPOB hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan lagi prestasi industri ini dengan strategi penyelidikan bagi memastikan pengeluaran minyak sawit berkualiti tinggi dan bebas dari sebarang pencemaran.

Demikian saranan Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika berucap merasmikan program pemukiman MPOB atau Senior Management Retreat (SMR), di sini baru-baru ini.

Program pemukiman yang berlangsung pada pertengahan Januari lalu membabitkan 57 pegawai kanan MPOB yang diadakan bagi merancang pelan operasi dan pengurusan tahun 2017 serta menilai pencapaian pada tahun 2016 sebagai salah satu cara untuk memastikan visi dan misi MPOB tercapai dengan sistematik dan jayanya.

Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, MPOB adalah institusi



**Datuk Seri Ahmad Hamzah berucap.**

penyelidikan yang bertanggungjawab mengawal selia industri sawit negara.

Katanya, sebagai agensi yang diberi kepercayaan oleh Kerajaan dalam memacu kemajuan industri sawit negara, MPOB mampu menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi dan berinovasi yang dapat memberi manfaat kepada industri sawit termasuk pekebun kecil.

## MPOB Main peranan

Beliau turut menekankan MPOB perlu memainkan peranan dalam membantu industri sawit menghadapi cabaran semasa, antaranya cuaca panas yang menda-

dad dan berpanjangan seperti fenomena El-Nino yang memberi kesan ke atas pertumbuhan dan pengeluaran buah tandan segar (BTS) serta tekanan daripada Kesatuan Eropah, badan bukan kerajaan (NGO) dan lambakan minyak sayuran di pasaran dunia yang turut memberi kesan negatif kepada industri sawit negara.

Beliau turut menyarankan MPOB memberi penekanan dalam mempromosi teknologi yang dihasilkan agar pihak industri termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) dapat memanfaatkan teknologi dan inovasi yang dihasilkan.

## PENGUMUMAN

### KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML) SESI APRIL 2017



#### KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML)

- \* Kursus ini diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk Kursus Operasi Mekanisasi Ladang Sawit Tahap 2, 3 dan 4
- \* Bertujuan untuk melahirkan generasi baru yang berkemahiran tinggi dalam bidang mekanisasi ladang selaras dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan modal insan negara

#### OBJEKTIF

- \* Memberi pendedahan kepada pelatih dari segi teori serta penekanan yang lebih kepada aspek praktikal berkenaan mekanisasi di ladang sawit.
- \* Bermatlamat untuk melahirkan warga kerja yang cekap dan telatih.

#### SYARAT KEMASUKAN

- \* Warganegara Malaysia
- \* Berumur 17 hingga 55 tahun
- \* Tamat SPM/SPMV atau setaraf dengannya atau mempunyai pengalaman bekerja di sektor perladangan /penjenteraan ladang sawit.

#### YURAN

- \* RM3500. Kemudahan bantuan kewangan boleh diuruskan bagi mereka yang layak

#### JANGKA MASA KURSUS

- \* Tahap 2: 6 Bulan
- \* Tahap 3: 12 Bulan
- \* Tahap 4: 18 Bulan

#### LOKASI

KM 137, Lebu Raya Segamat, Kuantan  
Peti Surat No.24, Pejabat Pos Bandar Tun Razak,  
26900 Bandar Muadzam Shah, Pahang

#### CARA MEMOHON

- \* Pemohonan hendaklah menggunakan borang yang dilampirkan atau borang yang dimuat turun dari laman web MPOB ([www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my))
- \* Sertakan bersama satu salinan kad pengenalan pemohon, salinan sijil SPM/SPM(V) atau yang setaraf yang telah disahkan atau surat pengesahan majikan bagi mereka yang berkenaan
- \* Tarikh Akhir Permohonan Bagi Sesi April 2017:  
**28 Februari 2017**

#### MAKlumat LANJUT DAN PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:

MOHD SOLIAH DERAMAN [solah@mpob.gov.my](mailto:solah@mpob.gov.my)

SITI BALQIS JAAFAR [balqis@mpob.gov.my](mailto:balqis@mpob.gov.my)

Tel: 09-451 4400 samb. 4402/4401 Faks: 09-4514405





# Penyelidikan di Lahad Datu jana kemajuan industri

Lawatan dapat penerangan aktiviti penyelidikan, perkhidmatan

Oleh Muhammad Asyraf Hussin dan Ahmad Afandi Murdi  
asyrafhussin@mpob.gov.my  
aafandim@mpob.gov.my

Lahad Datu

Penyelidikan dan pembangunan sawit yang dilaksanakan oleh MPOB di Lahad Datu dilihat dapat menyumbang ke arah menjana kemajuan industri sawit di negeri Sabah.

Demikian kata Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika memberi maklum balas ketika lawatan beliau ke Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu sempena program turun padang bersama pekebun kecil di Beluran, Sabah. Turut serta Timbalan Ketua Pengarah, (Penyelidikan dan Pembangunan) Dr Lim Weng Soon.

Kunjungan Pengerusi MPOB ke Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu merupakan siri lawatan ke stesen penyelidikan MPOB bagi mendapatkan pe-



Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua dari kanan) dan Dr Lim Weng Soon melawat pameran yang diadakan sempena lawatan ke Stesen Penyelidikan Lahad Datu, Sabah.

nerangan mengenai aktiviti penyelidikan dan perkhidmatan yang disediakan kepada pihak industri dan pekebun kecil.

Ketua Stesen MPOB Lahad Datu, Ahmad Afandi Murdi menyampaikan taklimat kemajuan aktiviti penyelidikan dan perkhidmatan yang dilaksanakan di bawah pentadbiran Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu, Sabah.

Stesen Penyelidikan Lahad Datu ditubuhkan pada tahun 1989 yang menjalankan penyelidikan sektor hulu sawit meliputi biak baka, agronomi, kajian penyakit dan serangga tanaman sawit serta integrasi tanaman dan ternakan.

Selain tumpuan penyelidikan, stesen itu juga menyediakan khidmat nasihat penanaman sawit kepada pekebun kecil dan khidmat pelesenan dan penguatkuasaan bagi kawal selia industri sawit.

## Perkasa modal insan

Seiring tumpuan kerajaan memperkasakan pembangunan modal insan dalam industri sawit, Kompleks Stesen Penyelidikan Lahad Datu juga menempatkan Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) dan PLASMA Inn yang menyediakan penginapan kepada peserta.

Pengerusi MPOB meneruskan acara lawatan dengan menin-

jau operasi ladang yang terjejas berikutan hujan yang melanda Pantai Barat Sabah, lawatan ke plot penyelidikan, perumahan pekerja serta interaksi bersama anak-anak pekerja ladang di Sekolah HUMANA Child Aid Society di kawasan Ladang.

Antara keunikan Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu ialah pembinaan bangunan bergalas getah seismik untuk pemencilan gegaran gempa bumi yang dibangunkan bersama Lembaga Getah Malaysia. Sebanyak 28 buah gelas getah dipasang pada tapak bangunan yang berupaya menampung gempa bumi sehingga 7.5 skala richter.

sidangan berkenaan.

PEOC 2017 yang menerima penyertaan hampir 300 peserta turut menjemput penceramah terkemuka dalam membincangkan hal berkenaan perkembangan pasaran minyak masak seperti Dr. James Fry, Mr Thomas Mielke dan Mr Dorab Mistry. Dato' Zakaria Arshad dari Felda Global Venture turut dijemput sebagai pembentang utama dalam PEOC 2017.

Sempena kunjungan ke Pakistan, Dr Kushairi turut mengadakan perbincangan bersama syarikat usaha sama Malaysia-Pakistan iaitu Mapak Edible Oil berkaitan perkembangan pasaran serta usaha bagi memperkukuhkan pasaran minyak sawit Malaysia di Pakistan.

Selain kilang penapis, syarikat Malaysia turut terlibat dalam usaha sama syarikat pengendalian jeti penerimaan minyak makanan serta tangki penyimpanan bagi minyak makanan khususnya minyak sawit.

## MPOB terima lawatan Kedutaan Amerika dan P&G Singapura

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar  
nurhajar@mpob.gov.my

**Bangi:** MPOB menerima kunjungan Pegawai Pejabat Kedutaan Amerika Syarikat ke Malaysia di Ibu Pejabat, di sini, baru-baru ini.

Kunjungan hormat daripada kedutaan itu terdiri daripada Pegawai Ekonomi, Sona Ramesh dan Pakar Ekonomi, Sharon Tan.

Pertemuan dengan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din bertujuan mengenali industri sawit di Malaysia, selain mendapatkan pendedahan mengenai isu kemampanan industri sawit dan alam sekitar, isu buruh kanak-kanak dan kempen negatif terhadap minyak sawit di Eropah serta RSPO (Roundtable on Sustainable Palm Oil) dan MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil) yang dilaksanakan di Malaysia.

MSPO adalah piawaian yang menggariskan prinsip dan kriteria bagi pensijilan minyak sawit Malaysia dari aspek kemampanan dan sebagai langkah menjenamakan minyak sawit Malaysia berbanding minyak sawit keluaran negara lain.

MSPO turut menyediakan landasan perijinan nasional dengan mengambil kira undang-undang negara berbanding piawaian yang digaris RSPO yang mengikut standard antarabangsa.

## Langkah wujud hubungan baik

Dr Kushairi menyifatkan kunjungan berkenaan sebagai langkah dalam meningkatkan perdagangan minyak sawit dengan Amerika Syarikat dan kolaborasi dua hala dalam pembangunan dan kemampanan industri sawit terutama dalam menangkis dakwaan Barat yang mampu menjatuhkan imej minyak sawit di mata dunia.

Berkenaan isu buruh kanak-kanak yang diuar-uarkan di media Barat tahun lalu, Dr Kushairi menegaskan, isu berkenaan hanya propaganda Barat akibat salah faham dengan budaya masyarakat di kawasan pedalaman yang sememangnya terbiasa dengan bantuan diberikan oleh anak mereka (pekebun kecil) ketika menguruskan ladang.

"Tiada soal buruh kanak-kanak apabila kanak-kanak itu sendiri yang rela membantu meringankan beban kerja keluarga sendiri," ujarnya.

Pada akhir pertemuan tersebut, beliau berharap agar Amerika Syarikat membuka mata mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit yang tinggi dengan vitamin A, E, tidak mengandungi kolestrol dan sama sekali tidak memburukkan kesihatan.

Amerika Syarikat mengimport minyak mentah, oleokimia dan minyak isirung sawit daripada Malaysia meskipun negara tersebut merupakan antara pengeluar minyak dan lemak utama dunia.

Dalam satu sesi lawatan lain, MPOB turut menerima kunjungan delegasi Proctor & Gamble (P&G), Pusat Inovasi Singapura baru-baru ini.

Lawatan tersebut bertujuan mendapatkan pendedahan berkenaan fasiliti penyelidikan sektor hiliran dalam industri minyak sawit terutamanya dalam pembuatan kosmetik dan produk penjagaan diri.

# Pakistan pasaran penting minyak sawit Malaysia

Oleh Mohamad Fairus Mohd Hidzir dan Hisham Hussain  
fairus@mpob.gov.my  
hishamhusain@mpob.gov.my

**Karachi:** Pakistan adalah antara pasaran penting minyak sawit Malaysia dengan jumlah eksport minyak sawit mencecah 0.88 juta tan bagi tahun 2016 meningkat 21% daripada tahun 2015 yang berjumlah 0.73 juta tan.

"Pakistan merupakan negara pasaran keempat terbesar dan penting bagi minyak sawit Malaysia selepas India, negara Kesatuan Eropah dan China," kata Ketua Pengarah MPOB, Dr

Ahmad Kushairi Din ketika menyampaikan ucapan pada majlis perasmian Pakistan Edible Oil Conference (PEOC) 2017 yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Penyertaan Dr Kushairi dalam PEOC 2017 menggambarkan kepentingan industri minyak sawit di Pakistan sebagai antara pasaran utama bagi produk sawit Malaysia sejak sekian lama.

## Cermin komitmen MPOB

Bahkan, pembukaan pejabat khidmat nasihat teknikal MPOB di Karachi sejak tahun 1984 mencerminkan komitmen MPOB bagi memastikan minyak sawit Malaysia kekal

sebagai minyak masak pilihan utama pengguna di Pakistan.

PEOC 2017 dianjurkan secara usaha sama oleh empat persatuan berkaitan industri minyak dan lemak di Pakistan iaitu Pakistan Vanaspati Manufacturer Association (PVMA), All Pakistan Solvent Extractor Association (APSEA), Pakistan Edible Oil Refiners Association (PEORA) dan Pakistan Soap Manufacturers Association (PSMA).

Persidangan tahunan ini disokong oleh MPOB, manakala Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) pula merupakan salah satu penaja emas (Gold Sponsors) untuk per-



# Sawit tidak musnahkan alam sekitar

➔ Penyaluran maklumat tak benar jejas kehidupan petani kecil

pendesak yang berpangkalan di Amerika Syarikat kepada industri sawit baru-baru ini.

UCS telah mengakui bahawa minyak sawit bukanlah 'kambing hitam' yang mengakibatkan kemusnahan alam sekitar seperti yang telah digembar-gemburkan oleh para NGO barat selama ini. Mengapa? Kerana minyak sawit bukanlah penyumbang utama kepada kemusnahan hutan dunia.

Kenyataan UCS ini berpandukan pada satu laporan *Climate Focus* yang diterbitkan khas untuk para penandatangan Perisytiharan Hutan di New York sebelumnya.

Laporan ini menyebut komoditi-komoditi seperti daging lembu, kacang soya dan jagung telah mengakibatkan kemusnahan hutan yang jauh lebih tinggi berbanding minyak sawit. Dalam kes daging lembu, ia adalah kira-kira 10 kali ganda lebih besar.

Kebanyakan data dalam laporan *Climate Focus* ini diambil dari kajian sama yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya Eropah. Malah, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) juga telah mengulas tentang fakta ini sejak ia mula diterbitkan oleh Suruhanjaya Eropah. Pengakuan daripada UCS ini memberi implikasi yang lebih be-



UCS telah mengakui bahawa minyak sawit bukanlah 'kambing hitam' yang mengakibatkan kemusnahan alam sekitar seperti yang telah digembar-gemburkan oleh para NGO barat selama ini.

Mengapa? Kerana minyak sawit bukanlah penyumbang utama kepada kemusnahan hutan dunia”

sar ke atas kempen-kempen yang berkaitan dengan alam sekitar.

Dalam pengakuan ini, UCS menyatakan, “kajian terkini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat besar dunia yang berikrar untuk menghentikan kemusnahan hutan yang mereka lakukan, telah melakukan kesilapan dalam menentukan matlamat mereka. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa komuniti NGO termasuk kami, mungkin telah melakukan kesilapan yang sama.”

Kajian oleh *Climate Focus* menunjukkan bahawa syarikat-syarikat minyak sawit memberi komitmen yang lebih tinggi berbanding mana-mana kumpulan komoditi lain dalam mencapai penebangan sifar hutan, walaupun syarikat-syarikat sawit ini merupakan penyumbang kecil kepada kemusnahan hutan.

Persoalan untuk organisasi seperti UCS dan para NGO barat sekarang ialah adakah mereka akan menghentikan kempen-kempen yang tidak masuk akal terhadap minyak sawit dan sama ada mereka benar-benar akan memohon maaf ke atas tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan kepada industri minyak sawit.

## Saluran dana kempen

Malah, persoalan yang lebih besar ialah berkaitan dengan dana-dana yang disalurkan kepada kempen-kempen ini. Sebagai contoh, Persekutuan Iklim dan Penggunaan Tanah (The Climate and Land Use Alliance), satu gabungan beberapa yayasan yang berpangkalan di Amerika Syarikat, masih lagi membiayai pelbagai aktiviti yang bertujuan mengecam minyak sawit.

Data dari senarai pembiayaan global mereka menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya USD 13 juta telah digunakan untuk membiayai 38 kempen yang mengecam minyak sawit di seluruh dunia termasuk USD3 juta untuk Greenpeace.

Bandingkan ini dengan perbelanjaan mereka dalam senarai yang sama pada komoditi lain: kacang soya (lima projek berjumlah USD2.5 juta) serta daging lembu dan ternakan lembu (USD 759,000).

Perlu diingat bahawa mereka tidak menumpukan perhatian kepada daging lembu sahaja malah ternakan tersebut sekali.

Kebanyakan pembiayaan ini masih lagi aktif. Greenpeace dijangka akan menerima USD1 juta lagi untuk meneruskan kempennya mengecam minyak sawit.

Begitu juga dengan Rainforest Action Network. Malah, sejumlah USD0.4 juta juga telah diagihkan kepada Sahabat Alam (Friends of the Earth).

Tidak hairanlah kempen-kempen terhadap minyak sawit dan komitmen terhadapnya telah berkembang. Ini kerana sejumlah besar dana telah disediakan untuk

membiayai kempen-kempen ini.

Selain dana yang besar, terdapat juga faktor-faktor lain di mana minyak sawit boleh digantikan dengan minyak pesaing yang lain, daging lembu tidak boleh digantikan dengan mana-mana komoditi saingan.

Pengeluar daging lembu terbesar dunia adalah Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. Dari sudut politik, kempen terhadap daging lembu di negara-negara ini tidak akan memberi sebarang kesan yang diinginkan.

## Cipta isu

Di Kesatuan Eropah, minyak sawit boleh digantikan dengan minyak pesaing tempatan seperti minyak bunga matahari dan minyak biji sesawi.

Oleh yang demikian, mencipta satu isu alam sekitar yang mengaitkan minyak sawit yang majoritinya dihasilkan Malaysia dan Indonesia yang merupakan bukan rakan dagangan utama Kesatuan Eropah bukanlah sesuatu yang sukar bagi industri pesaing minyak sawit ini.

Tetapi ini bukanlah kali pertama NGO alam sekitar telah mengisytiharkan perang ke atas industri tertentu dan mendapati hujah-hujah mereka adalah salah.

Dalam dekad 1990-an dan 2000-an, mereka menjadikan industri kayu kayan sebagai sasaran.

Ketika itu, mereka mendakwa permintaan tinggi terhadap kayu kayan akan mengakibatkan kemusnahan hutan global secara besar-besaran.

Akibatnya, produk-produk berasaskan kertas telah dikedam dan seluruh industri perunding terpaksa bertungkus lumus untuk mewujudkan satu polisi berkaitan pembalakan haram.

Hakikatnya, permintaan terhadap kayu kayan bukanlah punca sebenar kepada masalah ini; isu sebenar adalah keperluan untuk meningkatkan pengeluaran makanan.

Kesan kepada para NGO jika mereka didapati silap adalah kecil. Sebagai contoh, Greenpeace pernah mendakwa bahawa penebangan hutan tropika telah menjana kira-kira 25 peratus daripada pencemaran global.

Anggaran terkini menunjukkan angka sebenar hanyalah kira-kira 10 peratus sahaja. Greenpeace tidak syak lagi akan mempertahankan dakwaan mereka dengan mengatakan bahawa ia telah berjaya membangkitkan isu ini untuk perhatian dunia.

Tetapi dalam kes minyak sawit, penyaluran maklumat yang tidak tepat telah mencemarkan nama baik komoditi ini lalu memberi kesan kepada kehidupan tiga juta petani kecil yang bergantung hidup kepadanya. Mereka inilah golongan yang para NGO perlu memohon maaf atas kesilapan yang mereka telah akui.



**B**adan bukan kerajaan (NGO) barat dan kumpulan-kumpulan pendesak lain jarang mengakui kesilapan sendiri. Mereka sedaya upaya tidak akan menerima hakikat bahawa industri yang mereka kecam selama ini adalah benar.

Hakikatnya, itulah yang dilakukan oleh Union of Concerned Scientists (UCS), sebuah kumpulan

**WORLD PALM PORTRAITS PHOTOGRAPHY COMPETITION 2017**



**ENTER TO WIN USD 10,000 TOTAL PRIZES**





# Inovasi pemangkin kesejahteraan industri sawit

Industri sawit di Malaysia bermula seawal tahun 1917 lagi. Pada masa itu, penanaman sawit hanyalah dalam skala kecil dan tidak terancang. Tanaman sawit mula dijadikan tanaman komersial apabila kerajaan Malaysia melihat hasil tanaman sawit berpotensi untuk menjana pendapatan rakyat dan negara. Dalam tempoh satu abad industri sawit khususnya sektor perladangan berkembang pesat. Kini keluasan sawit negara menjangkau 5.64 juta hektar iaitu lebih 70% daripada keseluruhan kawasan pertanian negara.

Perkembangan pesat ini adalah hasil perancangan jitu kerajaan. Ia bermula melalui penubuhan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (PORIM) yang memberi tumpuan kepada usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi meningkatkan kesejahteraan industri sawit negara.

Kemudian diperkasakan lagi dengan penubuhan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Usaha gigih dan proaktif MPOB telah menjadikan sawit salah satu industri yang menjadi pemangkin rakyat luar bandar meningkatkan sumber pendapatan.

Kunci kejayaan ini adalah kemajuan sains, teknologi dan inovasi hasil dapatan R&D yang berterusan terhadap semua aktiviti dalam rantaian industri sawit.

Aplikasi berteknologi bermula dari pemilihan anak benih, kawasan tanaman, cara penanaman, penjagaan, pembajaan, kawalan racun perosak, penuaian, teknologi mekanisasi ladang, teknologi pemprosesan dan pengilangan, khasiat sawit,



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**Aidah Syuhada Abd Samad**  
SMK Saujana Impian  
Kajang, Selangor

produk-produk berasaskan sawit dan sebagainya.

Tidak ketinggalan piawai atau SOP yang diwujudkan dan diterapkan dalam aktiviti perladangan dan pengilangan.

Ini seperti Amalan Pertanian Baik (GAP), Kod Amalan MPOB (CoP), sijil MSPO dan terbaharu pensijilan MSPO. Segala aktiviti terikat dengan piawai berkaitan kesejahteraan dan kemampuan ini.

Saban tahun MPOB terus berusaha memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan inovasi dan teknologi baharu kepada penggiat industri yang mampu meningkatkan kecekapan, produktiviti dan mengurangkan kos sebagai usaha memastikan industri sawit terus berdaya maju.

Permintaan yang berterusan daripada pengguna domestik dan global untuk produk berasaskan sawit seperti minyak, produk biodiesel, biogas, biojisim, oleokimia, makanan, bukan makanan, farmaseutikal dan nutrasetikal mem-

buktikan inovasi terhasil adalah bertaraf antara-bangsa dan diterima ramai. Pada tahun 2015 sahaja jumlah eksport produk sawit berjumlah 19.96 juta tan dengan nilai pendapatan mencecah RM63.22 bilion.

Fakta juga menunjukkan hasil R&D MPOB menemukan 608 teknologi dan 165 perkhidmatan di mana 30.4% berjaya dikomersialkan. Kepelbagaian dapatan inovasi ini membantu kesejahteraan industri sawit negara.

Faktor-faktor ini menjadikan industri sawit terus berkembang, membangunkan ekonomi melalui penyediaan peluang pekerjaan di sektor hulu sawit dan juga sektor hiliran sawit yang melibatkan perladangan, pengilangan, pemprosesan, pembangunan teknologi mahupun pendidikan.

Pembukaan ladang-ladang baharu dan kebun kecil telah merintis peluang kerja dan pendapatan kepada penduduk luar bandar yang dahulunya berada di bawah paras kemiskinan.

Dunia sekarang amat peka kepada isu persekitaran dan pengeluaran mampan. Ia seiring dengan kehendak global dan permintaan masyarakat antarabangsa. Inovasi dan teknologi bahaaru yang ditemukan membantu penanaman dan pengeluaran minyak sawit Malaysia menepati kehendak kemampuan tersebut.

Melalui sistem kawalan kualiti dan penguatkuasaan piawai di ladang atau di kilang, isu kemampuan berjaya di atasi disamping dapat menghasilkan produk berkualiti tinggi, selamat dimakan dan baik untuk kesihatan.

# Inovasi dan pengkomersialan teknologi sawit menjana pendapatan negara

Kemajuan inovasi serta pengkomersialan teknologi sememangnya penyumbang utama pembangunan industri minyak sawit. Malaysia merupakan antara negara pengeluar komoditi sawit terbesar dunia.

Kenyataan ini tidak dapat disangkal lagi berdasarkan kepada peningkatan pengeluaran minyak sawit serta penerimaan dunia terhadap hasil sawit Malaysia.

Senario yang positif ini adalah hasil daripada usaha semua pihak terutama MPOB dengan meningkatkan kepercayaan serta menjadikan minyak sawit Malaysia gah dipersada ekonomi dunia.

Walaupun seluruh dunia mengalami kelembapan ekonomi, namun minyak sawit terus mantap dan kekal sebagai hasil komoditi yang banyak menyumbang kepada pendapatan negara.

Keunikan serta kepelbagaian fungsi penggunaannya dalam industri mahupun untuk keperluan isi rumah telah menjadikannya satu keperluan asas yang mesra pengguna, mudah serta menyihatkan.

Tambahan pula kepesatan penciptaan inovasi serta penggunaan teknologi tinggi dalam industri sawit telah berjaya melonjakkan industri sawit setanding dengan industri lain seantero dunia.

Kecemerlangan industri sawit Malaysia sebenarnya didorong inovasi serta pengkomersialan teknologi sawit dalam pelbagai agensi utama sawit seperti MPOB,



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM**

**Che Wan Sabri**  
**Che Wan Ibrahim**  
Kampung Seberang Tepoh  
Kuala Nerus, Terengganu

MPIC, Felda dan sebagainya.

Inovasi merupakan elemen yang penting untuk meningkatkan kepercayaan serta menarik minat pengguna terhadap sesuatu hasil industri.

Tidak ketinggalan industri sawit berjaya menghasilkan pelbagai inovasi melalui aktiviti R&D yang berterusan saban tahun.

Penerimaan masyarakat dunia terhadap minyak sawit adalah hasil dari usaha penghasilan inovasi dan pengkomersialan teknologi sawit antaranya penghasilan minyak sawit merah yang menyihatkan kerana mengandungi pelbagai vitamin seperti vitamin E, anti oksidan dan fitonutrien yang bagus untuk kesihatan dan dapat mencegah penyakit.

Penghasilan produktiviti berkualiti melalui inovasi kreatif MPOB antaranya dakwat berasaskan sawit,

penguci berasaskan sawit, marjerin, krimer sawit, aiskrim dari minyak sawit, santan sawit dan pelbagai lagi merupakan inovasi produk makanan yang kian dipercayai dan diterima masyarakat.

Pengkomersialan industri sawit bukan sahaja membantu pengeluaran sawit, namun teknologi sawit yang telah dihasilkan juga diguna pakai dalam pengeluaran hasil serta produk sawit yang bermutu serta berdaya saing setanding dengan keperluan semasa masyarakat dunia yang amat mementingkan produk yang berkualiti serta menyihatkan.

Justeru itu terhasil produk sawit terbaik melalui penggunaan teknologi yang kian diaplikasikan di Malaysia.

Antara teknologi sawit yang dikomersialkan adalah seperti peralatan menuai sawit iaitu galah penuai aluminium, pemungkah (pemungut) mekanikal dan E-Cutter yang mana melalui penggunaannya secara tidak langsung meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Kesimpulannya, inovasi serta pengkomersialan teknologi sawit berjaya membawa kemajuan serta membangkitkan kesadaran serta penerimaan masyarakat dunia terhadap produk berasaskan sawit.

Natijahnya, pendapatan negara dapat ditingkatkan melalui pelaburan serta pemindahan teknologi yang dapat dikomersialkan ke peringkat antarabangsa.

## PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN FEBRUARI 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

**Kategori 1:**  
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)  
**Tajuk:** "Sumbangan industri sawit sepanjang 100 tahun. Bincangkan".

**Kategori 2:** Awam  
**Tajuk:** "100 tahun industri sawit, pencapaian dan sumbangan membanggakan Malaysia. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;  
⊙ Hadiah Pertama: **RM250**  
⊙ Hadiah Kedua: **RM200**  
⊙ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan MAC 2017 akan datang.

## Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Januari 2017

**PEMENANG KATEGORI 1**  
Pelajar Sekolah Menengah

**Hadiah Pertama**  
Aidah Syuhada Abd Samad  
SMK Saujana Impian  
Kajang, Selangor

**Hadiah Kedua**  
Nurmufira Borhan  
SMK Jalan Tiga Bangi, Selangor

**Hadiah Ketiga**  
Tiada pemenang

**PEMENANG KATEGORI 2**  
Awam

**Hadiah Pertama**  
Che Wan Sabri  
Che Wan Ibrahim  
Kampung Seberang Tepoh  
Kuala Nerus, Terengganu

**Hadiah Kedua**  
Haslinda Daud  
Taman Sri Pulai  
Kangkar Pulai, Johor

**Hadiah Ketiga**  
Fauziyah Hanim Mohtar  
Selayang Baru  
Batu Caves, Selangor

## Syarat Penyertaan

- ⊙ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ⊙ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas
- ⊙ Bukan kakitangan MPOB
- ⊙ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ⊙ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ⊙ Keputusan juri adalah muktamad
- ⊙ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Februari 2017
- ⊙ Hantarkan penyertaan ke alamat:  
**Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB**  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor  
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)





**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong melepaskan peserta ekspedisi kenderaan 4X4** menggunakan bahan api biodiesel B10 di Dataran Menara Chondong, Teluk Intan, Perak. Turut hadir Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M. Nagarajan; dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.



**Datuk Seri Mah Siew Keong mengikuti taklimat dan demonstrasi** penghasilan produk kosmetik berasaskan sawit ketika lawatan beliau sempena Program Interaksi bersama Pegawai Penyelidik MPOB di Ibu Pejabat MPOB di Bangi.



**Datuk Seri Mah Siew Keong ketika melawat pameran MPOB** yang diadakan sempena Reach & Remind Friends of the Industry Seminar 2017 & Dialogue anjuran Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



**Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Datuk Seri Panglima Michael Asang, Ahli Dewan Undangan Negeri Labuk, Sabah (tiga dari kiri)** merasmikan Pusat Timbang milik Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Beluran Berhad sempena Program Hello Sawit Beluran, Sabah baru-baru ini. Majlis turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr. Lim Weng Soon (dua dari kiri).



**Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan bantuan kepada pekebun kecil** terjejas pendapatan pada musim tengkujuh di Kampung Bertang, Kuala Lipis, Pahang. Program penyampaian bantuan turut disertai Timbalan Ketua Pengarah (Pekhidmatan) MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman (dua dari kiri).